

# AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxycillin Trihydrate (250 mg, 500 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AMOXYCILLIN CAPSULE
2. Bagaimana AMOXYCILLIN CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE
4. Cara menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE
5. Semasa menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AMOXYCILLIN CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxycillin digunakan untuk merawat

- Jangkitan yang disebabkan oleh bakteria.
- Jangkitan telinga, hidung dan tekak.
- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan saluran kencing
- Jangkitan kulit dan tisu lembut

## Bagaimana AMOXYCILLIN CAPSULE berfungsi

Amoxicillin bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE

- Bila tidak boleh menggunakan  
Tidak boleh digunakan pada individu yang diketahui alah kepada penicillin.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil AMOXYCILLIN CAPSULE jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil AMOXYCILLIN CAPSULE jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hipersensitif kepada penicillins lain dan cephalosporins atau penicillamine.
- Mempunyai masalah buah pinggang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain  
Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

*Probenecid* memanjangkan masa tahap amoxycilin di dalam darah. Antasid dan *alkalising agents* lain boleh menjejaskan penyerapan amoxycilin. Amoxycillin boleh mengurangkan keberkesanan pil perancang. Penggunaan serentak Amoxycilin dan Allopurinol meningkatkan kejadian ruam.

## Cara menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE

- Berapa banyak harus digunakan  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan  
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan  
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gangguan

gastro-usus, kemerosotan fungsi hati yang boleh dipulih dan cirit-birit.

## Semasa menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE

- Perkara yang perlu dilakukan  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan AMOXYCILLIN CAPSULE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi AMOXYCILLIN CAPSULE dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Anda perlu terus menggunakan ubat untuk sepanjang tempoh rawatan penuh.
- Ambil ubat ketika perut kosong.
- Dos perlu dikurangkan pada pesakit dengan fungsi buah pinggang terjejas.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, AMOXYCILLIN CAPSULE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan-kesan sampingan adalah ringan dan sementara cth loya, muntah-muntah, cirit-birit, senak. Amoxycillin boleh menimbulkan ruam yang mungkin berasal dari toksik. Ruam hampir setiap kali berlaku apabila Amoxycillin diberikan kepada individu dengan demam *glandular* (jangkitan virus). Sedikit Amoxycillin yang

# AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxicillin Trihydrate (250 mg, 500 mg)

---

dirembeskan ke dalam susu boleh mencetuskan reaksi alahan pada bayi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan AMOXYCILLIN CAPSULE

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Simpan di tempat kering di bawah 25°C  
Lindungi daripada cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

AMOXYCILLIN CAPSULE 250MG  
Kapsul gelatin keras saiz "2" bewarna Oren / merah dengan serbuk putih.

AMOXYCILLIN CAPSULE 500MG  
Kapsul gelatin keras saiz "0" bewarna Oren / merah dengan serbuk putih.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Amoxicillin Trihydrate

- Bahan-bahan tidak aktif  
AMOXYCILLIN CAPSULE  
250MG  
Lactose powder 200 mesh,  
Magnesium Stearate.

AMOXYCILLIN CAPSULE  
500MG  
Magnesium Stearate

### - Nombor MAL

AMOXYCILLIN CAPSULE 250MG  
MAL19930222AZ

AMOXYCILLIN CAPSULE 500MG  
MAL19930221AZ

## Pengilang dan Pemegang

### Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru  
5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

### Tarikh kemaskini RiMUP

25/09/2017

### Nombor siri

BPFK(R4/1)200717/00178